

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CEDI
Sent: Selasa, 30 Mei 2017 1:12 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli
Subject: 10 KUMPULAN MELIBATKAN 47 PELAJAR UUM MENGIKUTI FASA 1 PROGRAM VEST



30 Mei 2017 / 4 Ramadhan 1438 Hijrah
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

10 KUMPULAN MELIBATKAN 47 PELAJAR UUM MENGIKUTI FASA 1 PROGRAM VEST



CEDI ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil bahagian dalam program Entrepreneurship Skills and Talents (VEST) 2017. Program VEST merupakan satu program pertandingan keusahawanan yang melibatkan penyertaan dari 20 institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Program ini akan dijalankan dalam tempoh enam bulan dan terbahagi kepada 3 fasa. Peserta akan didedahkan dengan teknik-terkini jualan, pemasaran, penjenamaan, komunikasi, sistem francais dan

perancangan kewangan. Penilaian dalam bentuk pertandingan akan dibuat di setiap fasa bagi memilih kumpulan yang terbaik untuk dinobatkan sebagai juara VEST.

Pada 19 – 21 Mei 2017, telah diadakan fasa yang pertama di UUM dan seramai 47 pelajar telah mengambil bahagian melibatkan 10 idea perniagaan diketengahkan. Antaranya ialah Bakery, Mobile Business – Food & Beverage, produk sushi yang diinovasikan kepada makanan melayu, Burger, perkhidmatan mencuci rumah dan *printing*.

Bengkel tiga hari ini telah dikendalikan oleh dua orang *coach* berpengalaman daripada Fizo Omar Channel (FOC) dan pegawai daripada Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Para pelajar telah diberi latihan dan dibimbing dalam memantapkan idea perniagaan yang dipertandingkan. Pada 17 & 18 Jun 2017, para pelajar akan menjalani satu sesi iaitu *Focus Group Discussion* (FGD) bersama *coach* bagi melihat semula persiapan sebelum membuat pembentangan dihadapan juri untuk sesi pemilihan idea perniagaan yang terbaik. Dua (2) kumpulan terbaik akan dipilih untuk mengikuti fasa seterusnya.

Program VEST merupakan program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Perbadanan Nasional Berhad (PNS) iaitu satu inisiatif baru dalam usaha KPDNKK dan PNS memberi pendedahan kepada pelajar dan seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Tamat

“Usahawan Satu Kerjaya”

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.